



PERMODALAN BSN BERHAD | YAYASAN WAQAF MALAYSIA  
[www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my) | [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

## SIARAN AKHBAR

### PBSN DAN YWM BEKERJASAMA LANCAR BSN DANA WAKAF AL-IKHLAS

Fokus pelaburan domestik ekuiti dan sukuk berasaskan syariah

**Kuala Lumpur, 4 April 2022** – Permodalan BSN Berhad (PBSN), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Bank Simpanan Nasional (BSN) telah melancarkan BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas, dana PBSN pertama yang memfokus kepada pelaburan domestik berasaskan syariah dalam campuran instrumen pelaburan seperti ekuiti dan sukuk, yang ditawarkan mulai **25 Mac 2022**. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas adalah sesuai kepada pelabur yang ingin mencari pertumbuhan dan potensi keuntungan modal dalam pelaburan jangka masa sederhana hingga panjang dan pada masa yang sama memberi peluang kepada pelabur untuk beramal dengan menyumbang separuh (50%) daripada jumlah agihan pendapatan (jika ada) dalam inisiatif-inisiatif wakaf yang telah dikenal pasti. Bagi mengorak langkah ini, PBSN telah memeterai satu perjanjian kerjasama dengan YWM, satu agensi wakaf di peringkat persekutuan bagi melaksanakan agihan wakaf secara efektif untuk inisiatif-inisiatif seperti bantuan kesihatan, pendidikan, bantuan bencana, program kemasyarakatan, sektor halal, teknologi hijau dan sebagainya yang akan memberi manfaat kepada masyarakat secara amnya.

YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi YWM berkata *“Menerusi kerjasama BSN Cash Wakaf dan penerbitan produk BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas ini dilihat mampu menyemarakkan lagi amalan berwakaf, khususnya dalam kalangan para pelabur yang akhirnya akan mendapat keuntungan sama ada di dunia dan juga di akhirat.”* Beliau turut mengajak para pelabur dan pihak korporat untuk turut sama melabur dalam produk BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas ini.

Pelancaran BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas adalah satu lagi kejayaan bagi PBSN, terutama dalam menyediakan akses mudah untuk orang ramai melabur sambil beramal dengan pelaburan permulaan dan tambahan masing-masing serendah RM100 sahaja. Pada majlis pelancaran hari ini, BSN akan melabur RM25 juta dalam BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas. Pemberian cek ini diserahkan oleh YBhg. Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar, Lembaga Pengarah BSN kepada En. Asaraf Aboo Bakar, Pengerusi PBSN dan disaksikan oleh YB Senator.

Pelabur boleh melabur dalam BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas pada harga tawaran RM0.25 seunit bermula dari **25 Mac 2022 sehingga 14 April 2022 (Initial Offer Period)** melalui laman web [www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my) dan juga ditawarkan melalui Cawangan-Cawangan Utama BSN dalam masa terdekat.

PBSN adalah syarikat pengurusan dana dan unit amanah saham yang menguruskan aset-aset pelaburan dalam ekuiti, sukuk dan instrumen pasaran wang semenjak 1995.

**-TAMAT**

## **Permodalan BSN Berhad**

Permodalan BSN Berhad (PBSNB), ialah sebuah badan yang diperbadankan pada 13 Oktober 1994 di bawah Akta Syarikat, 1965 dan anak syarikat milik penuh Bank Simpanan Nasional (“BSN”). Ia merupakan sebuah syarikat unit amanah saham dan pengurus dana. PBSNB mula beroperasi pada 2 Januari 1995. Untuk maklumat lanjut mengenai PBSN dan dana unit amanah di bawah pengurusan PBSNB sila layari laman web kami [www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my)

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Permodalan BSN Berhad (PBSN) :**  
Encik Azahari Aziz | 03-21809000  
azahari@pbsn.com.my
- 2. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) :**  
Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi | 019-3888016  
hanim@ywm.gov.my

## **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

## ENGLISH

**Kuala Lumpur, 4 April 2022** – Permodalan BSN Berhad (PBSN), a unit trust and fund management company, a wholly-owned subsidiary of Bank Simpanan Nasional (BSN) launched BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas, its first fund that focuses on shariah-compliant domestic investments investing in a mix of equities and sukuk, which will be offered from **25 March 2022**. The launching ceremony was officiated by YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Minister in the Prime Minister's Department and Chairman of Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas is suitable for investors who want to seek growth and capital gain in medium to long-term investments and at the same time contribute half (50%) of the total income distribution (if any) in identified wakaf initiatives. PBSN entered into an agreement with YWM, a federal-level waqf agency, to effectively administer the waqf distribution initiatives in healthcare, education, disaster aids community empowerment, halal sector, green technology, and other initiatives that will benefit society.

YB Senator Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) cum Chairman of YWM said *“Through the cooperation of BSN Cash Wakaf and the publication of BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas, we will be able to nurture waqf practises and it is an opportunity for potential investors who eventually seek benefits in here and hereafter.”* At the end of his speech, he encouraged investors and corporate parties to invest in BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas.

The launch of BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas is another success story for PBSN, especially in providing easy access for the public to invest and contribute to society via the waqf initiatives, with initial and additional investments of as low as RM100 each. As for the launching ceremony today, BSN will invest RM25 million as an initial investment in the fund. YBhg. Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar, Board Director of BSN, presented a mock cheque to En. Asaraf Aboo Bakar, Chairman of PSBN and was witnessed by the honourable Minister.

Investors can invest in BSN Dana Wakaf Al-Ikhlas at an offer price of RM0.25 per unit starting from **25 March until 14 April 2022 (Initial Offer Period)** through the website [www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my) and BSN's Main Branches soon.

PBSN is fund management and unit trust company managing investment assets in equities, sukuk and money market instruments since 1995.

**-END-**

### **Permodalan BSN Berhad**

Permodalan BSN Berhad (PBSNB), is a body incorporated on 13 October 1994 under the Companies Act, 1965 and a wholly owned subsidiary of Bank Simpanan Nasional ("BSN"). It is a unit trust and a fund management company. PBSNB commenced its operations on 2 January 1995. For more information on PBSN and its unit trust funds, please visit our website [www.pbsn.com.my](http://www.pbsn.com.my)

### **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) is a national waqf entity that was established on 23 July 2008 and registered with the Legal Affairs Division, Prime Minister's Department under the Trustee (Incorporation) Act 1952 [Act 258]. For more information on the implementation of waqf projects and to do waqf, please visit [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my).

**For any enquiries, please contact:**

- 3. Permodalan BSN Berhad (PBSN) :**  
Encik Azahari Aziz | 03-21809000  
[azahari@pbsn.com.my](mailto:azahari@pbsn.com.my)
  
- 4. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) :**  
Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi | 019-3888016  
[hanim@ywm.gov.my](mailto:hanim@ywm.gov.my)